

TINDAKAN PENAMATAN KONTRAKTOR BAGI PERKHIDMATAN PENGURUSAN PEMBERSIHAN AWAM DAN SISA PEPEJAL MAJLIS PERBANDARAN KAJANG

Majlis Perbandaran Kajang boleh mengambil **tindakan menamatkan kontrak** bagi **perkhidmatan pengurusan pembersihan awam dan sisa pepejal** dengan **serta-merta** sekiranya:

- i. Kontraktor telah menerima **tiga (3) kali notis kegagalan** melaksanakan perkhidmatan pengurusan pembersihan awam dan sisa pepejal dengan sempurna dalam bulan yang sama sepanjang tempoh kontrak berkuat kuasa;
- ii. **Notis kegagalan** melaksanakan perkhidmatan pengurusan pembersihan awam dan sisa pepejal dengan sempurna **dikeluarkan untuk mana-mana lokasi** dalam kawasan kerja;
- iii. Tidak kira sama ada notis kegagalan melaksanakan perkhidmatan pengurusan pembersihan awam dan sisa pepejal dengan sempurna dikeluarkan kepada Kontraktor secara berturut-turut atau dalam selang waktu tertentu; dan
- iv. Tidak kira sama ada Kontraktor telah pun mengambil tindakan pembetulan untuk semua Notis Kegagalan melaksanakan perkhidmatan pengurusan pembersihan awam dan sisa pepejal dengan sempurna yang diterima.